



## PERGANTUNGAN SERTA RISIKO PENGAMBILAN DADAH DALAM KALANGAN WANITA YANG MENGGUNAKAN PRODUK PELANGSINGAN

*DEPENDENCE AND RISK OF DRUG TAKING AMONG WOMEN WHO  
CONSUME SLIMMING PRODUCTS*

Yusramizza Md Isa @ Yusuff<sup>1</sup>, Nor Azizah Zainal Abidin<sup>2</sup>, Nur Syakiran Akmal Ismail<sup>3</sup>

<sup>1</sup> School of Law, Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia

Email: yusramizza@uum.edu.my

<sup>2</sup> School of Government, Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia

Email: norazizah@uum.edu.my

<sup>3</sup> School of Government, Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia

Email: nsai@uum.edu.my

### Article Info:

#### Article history:

Received date: 21.12.2019

Revised date: 16.01.2020

Accepted date: 11.03.2020

Published date: 15.03.2020

#### To cite this document:

Md Isa @ Yusuf, Y., Abidin, N. A. Z., & Ismail, N. S. A. (2020). Pergantungan Serta Risiko Pengambilan Dadah dalam Kalangan Wanita yang Menggunakan Produk Pelangsingan. International Journal of Modern Trends in Social Sciences, 3 (11), 107-106.

DOI: 10.35631/IJMTSS. 311009.

### Abstrak:

Wanita pada zaman ini dapat memperolehi dan menggunakan produk pelangsingan dengan mudah rentetan lambakan produk tersebut di dalam pasaran tempatan. Kecenderungan wanita untuk mengambil produk pelangsingan adalah berkait dengan minat diri atau tuntutan kerjaya untuk tampil cantik serta langsing. Dogma ini juga didorong oleh persepsi masyarakat Malaysia yang acapkali menghubungkan tafsiran kecantikan dengan penampilan yang menarik serta bentuk badan yang langsing. Walau bagaimanapun, tidak semua produk pelangsingan yang berada di dalam pasaran mematuhi piawaian perundangan. Terdapat produk pelangsingan yang mengandungi campuran dadah berbahaya. Pengambilan produk pelangsingan tersebut berisiko mengakibatkan kesan-kesan negatif. Artikel ini digarap bagi mendedahkan hasil kajian penyelidik berkaitan kesan pergantungan terhadap produk pelangsingan yang dialami oleh pengguna wanita yang berada dalam industri yang memerlukan mereka berpenampilan menarik serta langsing. Di samping itu, kajian ini meninjau risiko pengambilan dadah berbahaya atau campuran dadah berbahaya dalam produk pelangsingan dalam kalangan responden. Bagi mencapai objektif-objektif kajian, penyelidik telah menemubual 14 orang wanita yang berkerja dalam industri penerbangan, peragaan serta hiburan dan menggunakan produk pelangsingan. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa penggunaan produk pelangsingan yang mengandungi dadah berbahaya boleh membawa kesan pergantungan kepada produk pelangsingan tersebut secara fizikal serta secara psikologi. Risiko wanita untuk mengambil dadah berbahaya atau campuran dadah berbahaya dalam produk

pelangsingan pula tertakluk kepada faktor-faktor usia, pengalaman, kesedaran kesihatan dan peraturan bidang pekerjaan. Artikel ini merumuskan bahawa penggunaan produk pelangsingan berpotensi untuk mengakibatkan pergantungan serta risiko pengambilan dadah berbahaya. Artikel turut mencadangkan peningkatan usaha pendidikan serta penyaluran informasi yang sahih kepada masyarakat tentang kesan dan risiko produk pelangsingan tersebut.

**Kata Kunci:**

Dadah Berbahaya, Produk Pelangsingan, Kriminologi, Wanita

**Abstract:**

Women in this age can easily obtain and use slimming products, considering their huge availability in the local market. The tendency of women to take slimming products relates to their personal interest or career demands to look pretty and slim. This dogma is further driven by the perception of the Malaysian community regularly combining the interpretation of beauty with attractive looks and slim body shape. However, the slimming products on the market do not wholly comply with legal standards. There emerge slimming products that contain a mixture of dangerous drugs. Taking such slimming products may have negative effects. This article is intended to reveal the results of a study on the dependence effect of slimming products experienced by female consumers who are in the industries that require them to look attractive and slim. In addition, this study explores the risk of taking dangerous drugs or a mixture of dangerous drugs in slimming products among respondents. To achieve the study's objectives, the researchers interviewed 14 women who work in the aviation, modelling and entertainment industries and used slimming products. The findings show that the consumption of slimming products containing dangerous drugs can result in physical and psychological dependence on the products. Women's risk of taking real dangerous drugs or dangerous drugs mixed in slimming products is subject to age, experience, health awareness and occupational regulations. This article concludes that the use of slimming products has the potential to lead to dependence and risk of taking dangerous drugs. The article also suggests the enhancement of educational efforts and the dissemination of valid information to the public on the impacts and risks of slimming products.

**Keywords:**

Dangerous Drugs, Slimming Products, Criminology, Woman

## Pendahuluan

Pada zaman ini, aspek penampilan serta kecantikan diri sering diutamakan dalam kalangan wanita. Bagi mereka, penampilan menarik serta cantik merupakan pakej penting bagi meningkatkan keyakinan seseorang wanita untuk interaksi dengan orang lain. Selain itu, wanita seringkali berpandangan bahawa penampilan menarik serta cantik dapat meningkatkan peluang mereka bagi memperolehi ganjaran kewangan dan status sosial. Senada dengan senario ini, Catherine Hakim (2011) menyatakan bahawa kecantikan adalah aset penting wanita untuk memperolehi pekerjaan dalam bidang tertentu. Keadaan fizikal dan keadaan sosial yang baik dalam kalangan wanita akan menyumbang faedah besar dalam semua interaksi sosial pekerjaan. Ia meningkatkan keyakinan wanita dan dapat menarik perhatian rakan sekerja dan pelanggan yang menguntungkan tugas mereka.

Keinginan wanita untuk berpenampilan menarik dan cantik berdasarkan kemahuhan diri atau tuntutan kerjaya mendorong mereka untuk mengambil produk pelangsingan. Ini adalah kerana

masyarakat sering mempakejkan penampilan yang menarik dan bentuk badan yang kurus serta langsing dalam definisi kecantikan. Terdapat berjenis-jenis produk pelangsingan dalam pasaran pada hari ini yang boleh diperolehi dengan mudah oleh wanita. Walau bagaimanapun, pemilihan produk pelangsingan yang salah termasuk tidak mematuhi piawaian dan mempunyai campuran dadah berbahaya (selepas ini dirujuk sebagai dadah) boleh mengakibatkan implikasi negatif kepada kesihatan dan risiko penglibatan dengan penyalahgunaan dadah pada masa hadapan. Terdapat produk pelangsingan yang mempunyai bahan-bahan terlarang seperti *sibutramine* (Norkumala, 2016). Selain itu, wujud produk-produk pelangsingan dan kecantikan dalam pasaran yang bercampur bahan anorektik berdasarkan dadah jenis *amphetamine*, antaranya adalah *anorex*, *dinintel*, moderatan, *incital* dan *fenproporex*. Secara umumnya, produk-produk pelangsingan tersebut adalah dalam bentuk pil diet yang berfungsi menahan lapar.

Menurut Nelson-Zlupko dan rakan-rakan (1995), penglibatan wanita dalam penggunaan dadah agak berbeza berbanding dengan lelaki. Hasil kajian Simoni-Wastila dan penyelidik-penyeledik bersama (2004) menunjukkan bahawa penggunaan dadah dalam kalangan wanita adalah untuk tujuan kecantikan dan bukan untuk rawatan perubatan. Ini bermakna, wanita menggunakan dadah secara sah berbanding dengan kaum lelaki yang menggunakan dadah secara haram. Penggunaan dadah oleh wanita dianggap sah kerana menurut Nelson-Zlupko dan rakan-rakan (1995), dadah yang digunakan oleh kaum wanita seperti ubat penenang, sedatif, pil diet dan perangsang, selalunya diperolehi melalui preskripsi doktor bertauliahan. Kajian menunjukkan kebanyakan produk pelangsingan, termasuk yang dipreskripsikan oleh doktor mengandungi *sibutramine*, iaitu sejenis dadah yang boleh digunakan untuk membantu mengurangkan selera makan individu (Milano et al., 2005).

Berdasarkan penulisan akademia antarabangsa yang dipaparkan di atas dan trend semasa, penyelidik beranggapan bahawa kemungkinan wanita di Malaysia menggunakan dadah secara sah adalah tinggi kerana ramai wanita terutama yang berkerjaya mula memberikan tumpuan kepada penjagaan kesihatan dan kecantikan khususnya berkaitan dengan pelangsingan. Wanita yang berkerjaya mahu tampil cantik dan menarik menyebabkan produk-produk kecantikan dan pelangsingan mendapat sambutan yang tinggi. Permintaan yang tinggi terhadap produk kecantikan dan pelangsingan telah menyebabkan industri kecantikan dan penjagaan diri di Malaysia berkembang dengan pesat. Sehingga tahun 2013, anggaran perbelanjaan rakyat Malaysia ke atas produk-produk kecantikan dan penjagaan kesihatan telah mencecah sehingga USD407 juta (Azmi, Al-Tamimi, Dawood & Verma 2016).

Justeru, perhatian yang wajar perlu diberikan kepada aspek kesan pergantungan serta risiko pengambilan dadah daripada penggunaan produk pelangsingan dalam kalangan wanita di Malaysia. Kajian ini meneliti sama ada wanita mengalami kesan pergantungan terhadap produk pelangsingan yang digunakan. Selain itu, kajian ini memeriksa risiko penggunaan produk pelangsingan kepada pengambilan dadah berbahaya atau campuran dadah berbahaya dalam produk pelangsingan.

## Tujuan dan Metodologi

Tujuan kajian ini adalah untuk:

- (i) memeriksa sama ada wanita mengalami kesan pergantungan terhadap produk pelangsingan yang digunakan;
- (ii) mengkaji kecenderungan wanita untuk mengambil produk pelangsingan yang mengandungi campuran dadah berbahaya; dan

(iii) mengkaji risiko pengambilan dadah berbahaya dalam kalangan wanita yang menggunakan produk pelangsingan.

Penyelidik telah mengaplikasikan pendekatan kualitatif bagi mencapai objektif kajian. Pendekatan ini memberikan peluang kepada penyelidik untuk memahami sesuatu fenomena dengan mendalami pengalaman yang dilalui individu dalam sesuatu perkara (Azizi et al., 2007). Pendekatan kualitatif mementingkan teknik pengumpulan data primer dalam persekitaran sebenar. Ini membolehkan penyelidik mengakses pengalaman dan tindakan responden secara holistik dengan memahami konteks kehidupan dan pengalaman responden (Denzin & Lincoln, 2011). Melalui pendekatan kualitatif ini, penyelidik dapat memahami sama ada terdapat kesan pergantungan serta risiko pengambilan dadah daripada penggunaan produk pelangsingan oleh wanita.

Penyelidik telah menjalankan temubual separa berstruktur sebagai kaedah pengumpulan data bagi aspek implikasi pergantungan secara fizikal serta secara psikologi daripada penggunaan produk pelangsingan oleh responden dan kecenderungan mereka untuk terlibat dengan pengambilan dadah. Soalan temubual telah dibina berteraskan objektif kajian, dapatan kajian perpustakaan serta temubual awal dengan ahli kimia, peragawan dan pengasas produk pelangsingan. Temubual awal dilakukan bagi memperolehi gambaran tentang senario industri pekerjaan, permintaan terhadap produk pelangsingan dan bahan yang terkandung dalam produk pelangsingan.

Bagi mengatasi cabaran dihadapi dalam mendapatkan responden secara langsung dan bagi mengurangkan risiko kerugian masa serta kos, penyelidik telah menggunakan perkhidmatan *gatekeeper recruiter*, mendapatkan bantuan AADK dan mengaplikasikan teknik rantaian bola salji. Seramai 14 responden wanita terlibat dalam kajian ini dan terdiri daripada industri pekerjaan penerbangan, peragaan dan hiburan (nyanyian, lakonan serta pelayanan tetamu) yang menekankan penampilan langsing lagi menarik, pelbagai lapisan umur dan latar belakang pendidikan. Bagi menjaga kerahsiaan identiti, responden diberikan identiti baru melalui penggunaan nama samaran.

Pengkaji berpandangan bahawa topik penggunaan produk pelangsingan mungkin bersifat peribadi kepada sesetengah wanita apatah lagi jika melibatkan golongan yang sering mendapat perhatian masyarakat seperti artis. Begitu juga dengan responden daripada bidang pekerjaan sebagai pelayan tamu yang lazimnya enggan identiti mereka diketahui umum. Justeru, adalah sukar bagi penyelidik untuk memperolehi responden yang bersedia untuk membuat pengakuan benar dan berkongsi secara terbuka tentang pengalaman mereka mengenai penjagaan kecantikan melalui pengambilan produk pelangsingan yang mengandungi campuran dadah. Untuk mengatasi masalah tersebut, penyelidik telah mengambil saranan Tyldum (2012) yang mencadangkan agar pengkaji yang menyelidik isu-isu sensitif mengambil langkah seperti menggunakan perkhidmatan *gatekeeper recruiter* dan memberikan insentif kewangan kepada responden kajian yang terdiri daripada kumpulan yang sukar untuk diperolehi. Responden diberikan identiti baru melalui penggunaan nama samaran bagi menjaga kerahsiaan identiti mereka. Mereka juga telah diminta untuk menandatangani borang persetujuan untuk menjadi responden.

## Sorotan Karya

Pembabitan wanita di Malaysia dalam kancah penyalahgunaan dadah merupakan suatu fakta yang merunsingkan. Wanita merupakan nadi negara dan pencorak generasi anak-anak dan masyarakat. Berdasarkan statistik pada bulan Januari-November 2012, kes penagihan dadah

melibatkan kaum wanita mencatatkan bilangan sebanyak 158 orang. Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) melaporkan bilangan penagih wanita yang tinggi dikesan di Sarawak dan Perak 24 kes, Johor 20 kes, dan Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur 19 kes (Fauziah et al., 2013). Pada tahun 2017 pula, AADK melaporkan bahawa kadar penagihan dadah dalam kalangan kaum wanita telah meningkat sebanyak tiga peratus iaitu peningkatan seramai 208 orang, menjadikan jumlah penagih wanita yang direkodkan meningkat kepada 948 orang (Tuty Haryanti, 2018). Penglibatan wanita dalam aktiviti penyalahgunaan dadah perlu dipandang serius kerana mereka berisiko tinggi untuk berhadapan dengan stigma sosial masyarakat (Copeland, 1997; Fauziah et al, 2013) di samping menanggung kesan-kesan lain yang boleh menjelaskan keseimbangan rohani dan jasmani.

Antara faktor yang mempengaruhi individu untuk menyalahgunakan dadah (Frone, 2008) adalah tuntutan kerjaya. Pekerjaan dalam bidang hiburan, seni, sukan, dan rekreasi merupakan antara profesion yang berisiko kepada penyalahgunaan dadah. Mereka yang berada dalam kategori pekerjaan ini cenderung untuk menggunakan dadah demi untuk mengekalkan kelangsungan, mengatasi tekanan, meningkatkan prestasi dan mendapatkan tenaga. Hal ini dilandaskan oleh keinginan mereka untuk mendapatkan ganjaran ekonomi yang ditawarkan oleh sektor pekerjaan sedemikian.

Selain itu, keinginan untuk berpenampilan menarik dan cantik juga mempunyai pertautan dengan penglibatan penyalahgunaan dadah. Hasil kajian oleh Thomsen dan rakan-rakan (2002) menunjukkan bahawa wanita dan remaja terdorong untuk mengambil produk pelangsingan yang mengandungi dadah rentetan pengaruh majalah kecantikan dan fesyen. Mahmood (2005) pula menjelaskan bahawa tingkahlaku wanita yang mencuba produk-produk kesihatan bagi tujuan untuk sihat serta cantik menyebabkan mereka terdedah kepada risiko penggunaan dadah tanpa disedari oleh mereka.

Ini disahkan oleh kajian Marican dan yang lain (2007) yang mendapati bahawa keinginan untuk menguruskan badan dan menjaga kecantikan telah menyebabkan golongan wanita terjerumus dengan masalah dadah. Dapatan kajian tersebut menunjukkan bahawa seramai 47 penagih (61.1%) mengatakan bahawa mereka menggunakan dadah untuk tujuan menguruskan badan dan menjaga kecantikan. Hal ini juga turut diakui oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri, Masir Kuwat dalam laporan akhbar tentang jawapan beliau mengenai persoalan dadah dan wanita di Dewan Rakyat pada 16 November 2016. Beliau menyatakan bahawa antara punca ramai wanita terjebak dengan dadah jenis syabu adalah untuk menguruskan badan (Rahimah, 2016).

Kecenderungan mereka yang bekerjaya termasuk wanita yang mengambil dadah kerana tekanan pekerjaan juga ditunjukkan oleh kajian-kajian antarabangsa sedia ada. Paradigma tekanan kerja memaparkan bahawa pengambilan dadah di kalangan pekerja menjadi satu strategi bagi mereka menangani emosi-emosi negatif berpunca daripada pendedahan kepada kualiti fizikal dan psikososial persekitaran kerja yang tidak wajar atau elok (Ames & Janes, 1992; Frone, 1999; Trice & Sonnenstuhl, 1990).

### Dapatan Kajian dan Perbincangan

Berdasarkan maklum balas responden dalam kajian ini, produk pelangsingan yang digunakan adalah termasuk *Adderall*, *Adipex*, *produk pembakar lemak (fat burner)*, *Duromine*, *jus pelangsingan* dan *Lipo*. Penyelidik meneliti kesan kebergantungan responden terhadap produk pelangsingan yang diambil. Penelitian juga dibuat berkaitan dengan kesediaan responden untuk berhenti daripada menggunakan produk pelangsingan jika mengetahui produk pelangsingan tersebut mengandungi dadah. Selain itu, penyelidik menyolo responden tentang kecenderungan

mereka untuk mengambil dadah bagi mengawal berat badan. Dapatan ini membantu penyelidik menjawab persoalan kajian iaitu adakah wanita yang mengambil produk pelangsingan akan cenderung untuk mengambil dadah pada masa hadapan.

### **Pergantungan Terhadap Produk Pelangsingan**

Dapatan kajian berkait dengan aspek pergantungan fizikal dan psikologi yang dialami oleh responden berdasarkan produk pelangsingan yang digunakan. Kebanyakan produk pelangsingan termasuk *Adderall*, *Adipex* dan produk pembakar lemak (*fat bunner*) tidak menyebabkan pergantungan sama ada secara fizikal atau secara psikologi kepada produk-produk tersebut. Responden menjelaskan bahawa mereka masih dapat mengawal kuantiti pengambilan produk. Responden akan berhenti apabila mereka mencapai berat dan ukuran badan yang diingini. Ini dapat diperhatikan menerusi petikan di bawah:

“Guna untuk keperluan je . . . *on and off*. Diperlukan saya ambil.”  
(Emma, penyanyi dan pelakon-pengguna *Adderall*)

“I tak makan *direct* tau. *I stop*. Bila badan *I* naik balik baru *I* makan.” “I tak *addicted*. Memang ambil ubat tu bila perlu je.”  
(Yat, pramugari-pengguna *Adipex*)

“Skip skip juga la. Bila job nak dekat tu buat drastik.”  
(Fatty, peragawati-pengguna produk pembakar lemak (*fat bunner*), *Duromine* dan *methamphetamine*)

Emma dan Yat maklum bahawa produk pelangsingan yang digunakan mengandungi bahan aktif yang berbahaya kepada kesihatan. Emma memperolehi produk tersebut daripada rakan yang bekerja dalam bidang perubatan manakala Yat mendapat produk itu melalui preskripsi doktor. Ini menyebabkan kedua-dua mereka mengambil produk pelangsingan mengikut keperluan. Fatty juga tidak menggunakan produk pelangsingan secara konsisten kerana dia mengetahui tentang kesan produk pelangsingan ke atas kesihatan terutamanya buah pinggang. Penyelidik berpandangan bahawa tindakan Fatty berkemungkinan besar disebabkan oleh latar belakang pendidikan Fatty yang pernah mengikuti pengajian dalam bidang Biologi di sebuah kolej swasta sebelum terlibat dengan pekerjaan peragaan secara sepenuh masa.

Walau bagaimanapun, terdapat produk pelangsingan yang berpotensi menyebabkan pergantungan fizikal dan pergantungan psikologi. Produk pelangsingan yang dimaksudkan ialah *Duromine*, *jus pelangsingan* dan *Lipo*. Responden yang menggunakan *Duromine* secara tegar seperti peneman sosial Sara dan penyanyi Nat mengesahkan bahawa mereka mengambil produk tersebut dengan kerap kerana merasakan tidak boleh menjalani kehidupan tanpanya. Responden yang menggunakan *jus pelangsingan* iaitu pelakon Anne pula berasa sangat perlu untuk mengambil produk itu disebabkan kesukaran mengawal selera makan tanpanya. Selain itu, ciri pergantungan yang dialami oleh responden yang menggunakan *Lipo* iaitu peragawati Olyn yang menyatakan bahawa dia mengalami sedikit ketagihan terhadap produk tersebut dan cenderung untuk mengambil dalam dos yang berlebihan.

Berdasarkan maklum balas responden yang telah dinyatakan, penyelidik dapat merumuskan bahawa produk pelangsingan yang berkeupayaan untuk menyebabkan pergantungan secara fizikal dan secara psikologi adalah produk pelangsingan yang mengandungi dadah sebagai bahan aktif. Antara produk yang dimaksudkan adalah seperti *Duromine*. Walau bagaimanapun, potensi pergantungan kepada produk pelangsingan yang mengandungi dadah adalah masih

tertakluk kepada kekerapan dan dos yang digunakan. Pengguna yang mengambilnya secara kerap atau tegar dan berlebihan adalah lebih berpotensi untuk bergantung secara fizikal dan secara psikologi.

### **Kecenderungan Untuk Mengambil Produk Pelangsingan Yang Mengandungi Campuran Dadah**

Penyelidik telah cuba meneliti maklum balas responden terhadap pengambilan produk yang mengandungi campuran dadah. Berdasarkan maklum balas yang diberikan oleh responden, penyelidik mengkategorikan responden kepada dua kumpulan iaitu kategori A dan kategori B. Responden yang dikelompokkan dalam kategori A terdiri daripada mereka yang akan meneruskan pengambilan produk pelangsingan walaupun setelah mengetahui produk pelangsingan yang diambil mengandungi campuran dadah. Sementara responden dalam kategori B merupakan responden yang tidak akan meneruskan pengambilan produk pelangsingan setelah mengetahui produk yang digunakan mengandungi campuran dadah.

Penyelidik mendapati responden yang berada di bawah kategori A terdiri daripada responden yang berusia di bawah 30 tahun. Pada usia begini responden sedang mengembangkan kerjaya masing-masing. Responden di bawah kategori ini menyatakan bahawa akan terus mengambil produk pelangsingan yang sedang digunakan walaupun setelah mengetahui bahawa produk mengandungi dadah. Responden berpandangan adalah tidak menjadi kesalahan untuk mengambil produk yang sedemikian kerana secara realitinya semua produk kesihatan termasuk ubat-ubatan memang mengandungi dadah. Berikut adalah pandangan responden tentang perkara ini.

*“Kalau nak ikutkan selamat ke tak selamat, semua ubat yang kita makan tu semua ada drugs... tapi once kita tahu dosage dia ke apa semua kita jangan overdose kita tau kawal, benda ni takkan jadi addicted.”*

(Emma, pelakon dan panyanyi)

*“Everything we use ada drugs. Even ubat dekat farmasi pun ada drugs. So benda tu same things kan?”*

(Fatty, peragawati)

*“So macam I tak boleh nak lari. So for me as long as dia safe, dia tak macam membunuh diri (ketawa) dia tak ada extreme effect, I akan teruskan lah.*

(Anne, pelakon)

Emma menyatakan bahawa dia akan meneruskan pengambilan produk pelangsingan yang sedang digunakan walaupun produk tersebut mengandungi campuran dadah kerana Emma berpandangan produk sedemikian masih selamat untuk digunakan selagi ia tidak diambil secara berlebihan. Fatty juga memberi pandangan yang hampir sama. Menurut Fatty, produk pelangsingan yang sedang diambil tidak ada beza dengan produk yang dijual di farmasi kerana kedua-duanya mengandungi campuran dadah. Pelakon Anne juga menzahirkan pemikiran yang sama. Menurut Anne, dia akan meneruskan pengambilan selagi produk yang digunakan tidak menunjukkan kesan yang ekstrim kerana pengalaman Anne membuktikan bahawa pengambilan produk pelangsingan membantunya menguruskan badan seperti yang dinyatakan dalam petikan di bawah.

“Sebab benda tu macam dah sebat ada dalam diri *you . . . It helps I* sangat sangat (untuk kurus)”.

(Anne, pelakon)

Penyanyi Nat pula mendedahkan bahawa dia tidak nampak cara lain yang boleh membantunya menguruskan badan dengan cepat dan mudah selain daripada mengambil produk pelangsingan. Menurut Nat, keinginan untuk kurus sangat tinggi tetapi dia tidak mengetahui cara untuk mengamalkan diet yang sihat. Justeru, Nat memutuskan untuk meneruskan pengambilan pil pelangsingan.

“Ha yes [saya obses nak kurus]. Saya pernah nak cuba berhenti, tapi tak ada cara. Maksudnya saya tak tahu cara lain. So, saya memang makan balik [pil pelangsingan].”

(Nat, penyanyi)

Sementara itu, pelayan tamu Sara secara jujurnya mengakui bahawa dia tidak suka melihat dirinya gemuk. Oleh yang demikian, Sara menyifatkan dirinya sebagai berani untuk melakukan apa sahaja bagi memastikan dirinya kelihatan kurus. Menurut Sara, selain daripada mengambil produk pelangsingan, dia turut membuat suntikan memecahkan lemak yang bernilai RM800 bagi mencapati matlamatnya untuk kurus.

“Saya fobia bila tengok diri gemuk. Saya memang berani. Bab-bab kurus saya memang nombor 1.”

(Sara, peneman sosial)

Berdasarkan dapatan di atas, penyelidik merumuskan bahawa responden yang berusia di bawah 30 tahun dan sedang menikmati perkembangan kerjaya cenderung untuk mengambil produk pelangsingan termasuk yang mengandungi campuran dadah kerana mereka mahu mengekalkan berat badan ideal supaya mereka boleh bertahan dalam industri yang mereka sertai untuk satu tempoh yang lama. Justeru, mereka bersikap cuba menafikan bahawa dadah mempunyai impak negatif ke atas kesihatan dan beranggapan bahawa kesemua produk kesihatan juga turut mengandungi dadah.

Responden daripada kategori B pula menyatakan bahawa mereka akan berhenti serta-merta daripada mengambil produk pelangsingan sekiranya mendapati produk pelangsingan yang sedang digunakan sekarang mengandungi campuran dadah. Responden yang berada dalam kategori ini terdiri daripada mereka yang berusia 30 tahun ke atas dan berpengalaman lebih daripada 8 tahun dalam industri yang disertai. Hal ini diakui oleh peragawati Olyn:

“Kalau saya masa dulu, mungkin ambil juga [produk yang mengandungi campuran dadah] sebab nak cepat kurus. Tapi sekarang ni, kalau dah tahu, saya berhenti lah . . . sebab umur yang macam ni *you* tak boleh dah sebenarnya nak makan ni [produk pelangsingan yang mengandungi campuran dadah], *effect* pada jantung apa semua.”

(Olyn, peragawati)

Tambah Olyn lagi, pengalaman melihat rakannya menggunakan dadah jenis syabu menyebabkan dia berasa takut untuk menggunakan produk yang mengandungi dadah. Olyn menjelaskan rakannya mengalami kesan yang memudaratkan seperti wajah yang tidak bermaya dan kulit yang kering. Bagi Olyn, badan yang kurus tidak bermakna sekiranya kesihatan dan penampilan diri terjejas. Pelayan tamu Zara turut menyaksikan bagaimana pengambilan produk

pelangsingan boleh membawa maut. Menurut Zara, kawannya mengalami penyusutan berat badan yang mendadak dan masalah degupan jantung yang laju selepas menggunakan *duromine*. Degupan jantung yang tidak normal akhirnya membawa maut. Pengalaman tersebut menyebabkan Zara takut untuk mencuba produk pelangsingan yang berada di pasaran. Peragawati Ain juga menegaskan perkara yang sama. Menurut Ain:

“*Better I cari produk lain kot yang tak berkaitan dengan dadah kan. sebab saya tak ambil dadah. Saya tak minum alkohol. Saya cuma rokok sahaja.*”  
(Ain, peragawati)

Berdasarkan dapatan di atas, penyelidik dapat membuat kesimpulan bahawa responden yang berusia 30 tahun ke atas tidak akan meneruskan pengambilan produk pelangsingan setelah mengetahui produk yang digunakan mengandungi campuran dadah. Hal ini kerana responden telah menyaksikan kesan buruk yang terpaksa ditanggung jika berterusan bergantung pada produk yang sedemikian. Kesedaran berkaitan kesihatan berikutan pertambahan usia juga merupakan sebab mereka tidak cenderung untuk mengambil produk pelangsingan berkenaan.

### **Kcenderungan Untuk Mengambil Dadah**

Selain itu, penyelidik mendapati terdapat responden yang bukan sahaja mengambil produk pelangsingan bahkan juga terlibat dalam penyalahgunaan dadah iaitu jenis dadah sintetik, terutama *methamphetamine*. Oleh itu, penyelidik menyoal responden sama ada akan terus menggunakan dadah atau akan mengambil dadah pada masa hadapan bagi tujuan pelangsingan, bagi responden yang belum pernah mengambilnya. Kajian ini mendapati terdapat dua kelompok responden iaitu:

- (a) Kategori A: Responden yang akan menggunakan dadah bagi menjaga berat badan atau untuk tujuan lain.
- (b) Kategori B: Responden yang tidak akan mengambil dadah pada masa hadapan bagi menjaga berat badan atau untuk tujuan lain.

Responden yang berada dalam kategori A terdiri daripada responden yang sememangnya telah menggunakan *methamphetamine*, dadah sintetik yang turut dikenali sebagai syabu. Penyelidik bertanyakan sama ada mereka cenderung untuk berhenti menggunakan dadah tersebut. Antara jawapan yang diterima oleh penyelidik melalui temubual adalah seperti berikut:

“*Actually weight ada lah juga dia punya effect because turunkan juga. Tapi I ambil more to overcome my stress ... banyaklah faktor stress. You penat pun you boleh jadi stress. You tak cukup tidur kan, you tak cukup rehat*”

(Anne, pelakon)

“*Saya memang sangat struggle untuk dapatkan job. So, saya kena jaga badan saya. Nak maintain lepas tu kena jaga performance kita. That's why saya ambil ice semua lah.*”

(Nat, penyanyi)

Anne dan Nat mendedahkan bahawa menjadi seorang artis bukan mudah kerana penuh dengan cabaran. Untuk memastikan kehadiran mereka diterima oleh industri, Anne dan Nat bukan sahaja perlu memastikan mereka tampil cantik, langsing dan menarik, tetapi mereka juga perlu bekerja keras dari bawah untuk menaikkan nama sendiri. Jadual tugas mereka yang padat dan tidak tentu menjangkaui sehingga larut malam merupakan antara cabaran yang perlu dihadapi. Bagi Anne dan Nat, penampilan mereka turut menjadi perhatian peminat dan media yang

mencari bahan untuk dilaporkan. Anne menjelaskan bahawa artis pastinya gembira dengan liputan yang positif kerana ia menghasilkan impak yang baik kepada kerjaya, namun untuk menerima kecaman atau liputan yang negatif tentang diri mereka bukan sesuatu yang mudah. Justeru, Anne mengambil *methamphetamine* bagi membantunya untuk mengawal emosi dan meningkatkan fokus semasa berlakon. Nat juga mengakui hal yang sama. Sebagai penyanyi, Nat berhadapan dengan cabaran untuk mendapatkan tawaran nyanyian disebabkan persaingan yang tinggi. Bagi memastikan dirinya dapat memberikan persembahan yang terbaik serta mengekalkan diri dalam industri, Nat mengambil *methamphetamine*.

Kategori B merupakan responden yang tidak mengambil dadah jenis sintetik dan tidak akan mengambilnya pada masa hadapan bagi tujuan pelangsingan atau tujuan-tujuan lain. Dua responden menunjukkan keprihatinan tentang kesan kepada kesihatan yang menyebabkan mereka tidak akan mengambil dadah walaupun untuk tujuan pelangsingan. Seorang lagi responden menyatakan bahawa selain produk pelangsingan, rokok juga membantunya dalam mengawal berat badan. Maka, dia berpandangan bahawa tidak ada keperluan baginya untuk mengambil dadah pada masa akan datang bagi tujuan tersebut.

“Takde kot (tidak akan ambil dadah) sebab benda tu *effect* pada kita *long term*. Kadang-kadang otak kita. Benda macam tu macam kita jadi cepat pelupa . . . kita ni artis akan tengok skrip.”

(Emma, penyanyi dan pelakon)

### **Kesimpulan**

Wanita boleh terdorong untuk mengambil produk pelangsingan dan seterusnya terjebak dengan penyalahgunaan dadah rentetan keinginan peribadi dan tuntutan kerjaya untuk kelihatan langsing serta menarik. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa produk pelangsingan yang berpotensi untuk menyebabkan pergantungan secara fizikal dan secara psikologi adalah produk pelangsingan yang mengandungi dadah sebagai bahan aktif, tertakluk kepada kekerapan dan dos yang digunakan. Pengambilan produk pelangsingan sama ada mempunyai kandungan dadah atau tidak dipengaruhi oleh usia, pengalaman, kesedaran kesihatan dan peraturan bidang pekerjaan. Responden yang telah biasa mengambil dadah jenis sintetik akan cenderung untuk mengambil dadah pada masa hadapan tanpa ragu-ragu. Manakala responden yang tidak pernah mengambil dadah jenis sintetik tidak cenderung untuk mengambilnya pada masa hadapan walaupun berkompromi dengan produk pelangsingan yang mengandungi dadah. Justeru, kaedah pendidikan dan penyaluran maklumat yang sahih kepada masyarakat tentang kesan serta risiko penggunaan produk pelangsingan terhadap penyalahgunaan dadah perlu dilaksanakan secara aktif terutama oleh kerajaan. Langkah ini boleh diilangkan melalui pelbagai wadah termasuk media massa, talian aduan dan kaunter informasi. Diharapkan inisiatif-inisiatif ini dapat menjadikan pengguna peka dan bijak dalam pemilihan produk pelangsingan serta mengelakkan diri daripada mengambil dadah atau campuran dadah dalam produk pelangsingan.

### **Penghargaan**

Para penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak AADK atas dana Geran Penyelidikan Ilmiah AADK Tahun 2018 bagi menjalankan kajian berkaitan pengambilan produk pelangsingan dan dadah dalam kalangan wanita di Malaysia.

### **Rujukan**

- Ames, G. & Janes, C.J. (1992). A cultural approach to conceptualizing alcohol and the workplace. *Alcohol Health and Research World*, 16, 112–119.

- Azizi, Y., Shahrin, H., Jamaluddin, R., Yusof, B., & Abd Rahim, H. (2007). *Menguasai penyelidikan dalam pendidikan*. Edisi Kedua. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Azmi, H. M., Al-Tamimi, S. K., Dawood, O. T., Verma, A. K. & Saleem, F. (2016). Malaysian cosmetic market: current and future prospects. *Pharmaceutical Regulatory Affairs*, 4, 4.
- Copeland, M. E. (1997). *Wellness recovery action plan*. West Dummerston, VT: Peach Press.
- Denzin, N., K. 7 Lincoln, Y., S. (Eds). (2011). *The SAGE Handbook of Qualitative Research*. London: Sage.
- Fauziah, I., Salina, N., Ezarina, Z., Azmi, A. M., Mohd Suhaimi, M., Chong, S. T. (2013). Measuring self-esteem, resilience, aggressive behavior and religious knowledge among women drug inmates in Malaysia. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, 21, Special Issue, 31-44.
- Frone, M. R. (2008). Employee alcohol and illicit drug use: Scope, causes, and consequences. In J. Barling & C. L. Cooper (Ed.), *The SAGE handbook of organizational behavior* (Vol 1: Micro approaches) (pp. 519-540). Dhousand Oaks, CA: Sage.
- Frone, M.R. (1999) Work stress and alcohol use. *Alcohol Research and Health*, 23, 284–291.
- Hakim, C. (2011). *Honey money: The power of erotic capital*. London: Penguin.
- Mahmood, N. M. (2005). Depression among female drug users in Malaysia. *Prosiding Women's World 2005: 9th International Interdisciplinary Congress on Women*, Jun 19 – 24, Seoul Korea.
- Marican, S., Mohamed, M. N., & Ismail, R. (2007). Trend dan punca penggunaan dadah di kalangan penagih dadah wanita di negeri Sabah: Implikasi kepada rawatan dan pemulihan dadah. *Jurnal Antidadah Malaysia (Malaysian Anti-Drugs Journal)*, 2(2), 111-136.
- Milano, W., Petrella, C., Casella, A., Capasso, A., Carriono, S., & Milano, L. (2005). Use of sibutramine, an inhibitor of the reuptake of serotonin and noradrenalin, in the treatment of binge eating disorder: A placebo-controlled study. *Advances in Therapy*, 22, 5-31.
- Nelson-Zlupko L., Kauffman E., Morrison-Dore, M. (1995). Gender differences in drug addiction and treatment: implications for social work intervention with substance-abusing women. *American Journal of Orthopsychiatry*. 65(3): 355-63.
- Rahimah, A. (2016). Hendak kurus, antara punca wanita terjebak dadah - timbalan menteri, astro awani, November 16, 2016. Diakses daripada [Http://Www.Astroawani.Com/Berita-Malaysia/Hendak-Kurus-Antara-Punca-Wanita-Terjebak-Dadah-Timbalan-Menteri-122765](http://Www.Astroawani.Com/Berita-Malaysia/Hendak-Kurus-Antara-Punca-Wanita-Terjebak-Dadah-Timbalan-Menteri-122765) pada 24 Oktober, 2019.
- Simoni-Wastila, L., Ritter, G., & Strickler, G. (2004). Gender and other factors associated with the nonmedical use of abusable prescription drugs. *Substance Use & Misuse*. 39(1), 1-23.
- Thomsen, S. R., Weber, M. M., & Brown, L. B. (2002). The relationship between reading beauty and fashion magazines and the use of pathogenic dieting methods among adolescent females. *Adolescence*, 37(145), 1.
- Trice, H.M. & Sonnenstuhl, W.J. (1990). On the construction of drinking norms in work organizations. *Journal of Studies on Alcohol*, 51, 201–220.
- Tuty, H. (2018). Jumlah penagih dadah wanita meningkat: AADK. Diakses daripada <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/02/391945/jumlah-penagih-dadah-wanita-meningkat-aadk> pada 5 Julai 2019.
- Tyldum, G. (2012). Ethics or access? Balancing informed consent against the application of institutional, economic or emotional pressures in recruiting respondents for research. *International Journal of Social Research Methodology*, 15, 199–210.